



## KENYATAAN AKHBAR

### **SME CORP. MALAYSIA BERSAMA PENGAMAL MEDIA AMBIL INISIATIF DEKATI PKS**

---

SME Corp. Malaysia buat kali kedua akan menganjurkan Program Jejak PKS 2015 bersempena dengan Minggu PKS 2015. Bermula 29 Mei sehingga 3 Jun 2015, Jejak PKS 2015 ini bakal menyaksikan SME Corp. Malaysia bersama-sama rakan media akan melawat serta mendalami perniagaan PKS di seluruh Semenanjung Malaysia.

Objektif penganjuran Program ini adalah untuk memberi pendedahan serta pemahaman lebih mendalam mengenai produk dan perkhidmatan PKS, serta amalan perniagaan terbaik. Ia juga memberikan maklumat berkaitan halatuju perniagaan PKS di Malaysia melalui penerbitan dan liputan yang akan dibuat oleh media yang turut serta dalam program ini. Dianggarkan seramai 40 pengamal media, mewakili pelbagai organisasi, akan mengikuti program ini yang akan dimulakan dari Lembah Klang.

Upacara “*Flag Off*” akan diadakan pada 29 Mei 2015, jam 9.00 pagi di pejabat SME Corp. Malaysia, KL Sentral oleh Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia, YBhg. Dato’ Hafsah Hashim, bersama-sama Exco Keusahawanan Negeri Johor, YB Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday.

Syarikat-syarikat PKS yang bakal dilawati adalah di antara PKS yang telah mendapat bantuan dari segi kewangan mahupun khidmat nasihat melalui program-program yang telah dijalankan oleh SME Corp. Malaysia dan juga agensi Kerajaan yang bertanggungjawab di dalam memperkasa industri PKS di Malaysia.

Melalui penganjuran Program Jejak PKS 2015, pengamal media akan dapat melihat sendiri bagaimana PKS menjalankan operasi syarikat masing-masing, selain daripada mendalami peranan PKS yang sangat penting di dalam pembangunan Negara.

Kerjasama yang terjalin di antara SME Corp. Malaysia dan media melalui Program ini akan memberikan kesan positif kepada semua pihak, termasuk usahawan dan PKS, terutamanya ke arah merealisasikan misi dan matlamat Kerajaan Malaysia di dalam pembangunan industri PKS di Malaysia

Pihak Kerajaan, melalui SME Corp. Malaysia, amat komited di dalam memastikan bukan sahaja peluang perniagaan diberikan malah bantuan yang spesifik disalurkan bagi memastikan PKS di Malaysia terus berkembang. Melihat kepada keadaan semasa industri, PKS di Malaysia menyumbang sebanyak 33% ke atas Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), 57% kepada guna tenaga serta 19% kepada eksport Negara. Bagi mempertingkatkan kadar ini, lebih banyak perniagaan-perniagaan baru perlu digalakkan disamping menyediakan ekosistem yang lebih baik kepada para PKS.

Penganjuran Program Jejak PKS 2015 ini adalah bersempena dengan Minggu PKS 2015 yang dianjurkan oleh SME Corp. Malaysia bersama-sama rakan strategik, termasuk TM, MIDF, RHB serta pelbagai agensi berkaitan.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Pn. Raja Rozaila Azman di 03-2775 6203 ([rozaila@smecorp.gov.my](mailto:rozaila@smecorp.gov.my)) atau Ahmad Mu'izz Mohd Yusof di 03-2775 6275 ([muizzyusof@smecorp.gov.my](mailto:muizzyusof@smecorp.gov.my)).

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)

Level 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2,  
Kuala Lumpur Sentral,  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia  
Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

<http://www.smecorp.gov.my>  
e-mail: [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)

### **SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia.

SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.